

PTPTN keluarkan 836,820 WPP bernilai RM1.23 bilion

14 November 2016 12:51 AM



LENGGONG 13 Nov. - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah mengeluarkan waran Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP) sebanyak RM1.23 bilion kepada 836,820 pelajar sehingga akhir bulan lalu.

Pengerusi PTPTN, Datuk Shamsul Anuar Nasarah berkata, WPP itu ditawarkan kepada pelajar yang akan memulakan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) dengan setiap seorang menerima wang sebanyak RM1,500.

Katanya, pemberian tersebut juga adalah permulaan kepada usaha PTPTN bagi memastikan tiada pelajar yang tidak boleh melanjutkan pengajian ekoran masalah kewangan.

“Peranan yang digalas PTPTN dalam menawarkan pembiayaan pendidikan ini bukan sahaja mampu mengubah taraf hidup rakyat malah melahirkan lebih ramai generasi berpendidikan.

“Ini dapat dilihat apabila PTPTN meluaskan skop penyediaan WPP pada tahun 2010 kepada pelajar-pelajar yang ditawarkan kemasukan ke politeknik bagi program diploma,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyerahan WPP kepada 120 pelajar bagi Parlimen Lenggong, Gerik, Padang Rengas dan Kuala Kangsar melibatkan peruntukan sebanyak RM180,000 di Dewan Merdeka Lenggong, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Eksekutif (Dasar dan Operasi) PTPTN, Mastura Mohd. Khalid dan Pengurus Besar Pejabat PTPTN negeri, Ahmad Shahril @ Muhammad Shahril Ghazali.

Mengulas lanjut beliau berkata, bagi kemasukan pelajar peringkat diploma ke politeknik dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) bagi sesi November 2016, WPP bernilai RM13.08 juta telah ditawarkan kepada 8,722 pelajar.

Katanya, di Perak sendiri, WPP bernilai RM1.6 juta telah ditawarkan kepada 1,068 pelajar bagi tujuan sama.

“PTPTN sentiasa komited dalam menyediakan pembiayaan yang efisien kepada pelajar yang layak. Justeru itu kerjasama daripada peminjam diperlukan untuk melaksanakan bayaran balik bagi memastikan kesinambungan pembiayaan dapat diteruskan untuk generasi akan datang.

“Pelbagai insentif bayaran balik juga telah ditawarkan termasuk yang terbaharu melalui Bajet 2017. Menerusi insentif itu, peminjam yang membuat penyelesaian pembayaran penuh akan menikmati diskaun 15 peratus manakala diskaun 10 peratus pula bagi bayaran balik sekurang-kurangnya 50 peratus, debit terus dan potongan gaji.

“Kita berharap, kesemua peminjam ini dapat menggunakan peluang yang disediakan untuk menyelesaikan bayaran pinjaman mereka sekali gus membantu mencapai sasaran bayaran balik sebanyak RM18.3 bilion,” katanya.

Sementara itu, seorang penerima yang merupakan pelajar Diploma Perakaunan UiTM Tapah, Nur Hazwany Asfa Mat Rosli, 18, berkata, wang yang diterimanya itu akan digunakan sebaik-baiknya supaya dapat menampung keperluan sepanjang pengajian di universiti.

“Wang ini membantu persiapan awal saya untuk ke universiti. Saya bersyukur dengan bantuan PTPTN ini kerana untuk melanjutkan pelajaran memang memerlukan perbelanjaan yang agak besar,” katanya.

Bagi Mohd. Rafaai Mohammad, 18, yang akan melanjutkan pelajaran di UiTM Seri Iskandar bagi jurusan Diploma Pengurusan Hartanah, pinjaman PTPTN itu sedikit sebanyak meringankan beban keluarga tambahan lagi bapanya kini merupakan seorang pesara.

“Jika mengharapkan kepada ibu bapa mungkin tidak cukup kerana ada dalam kalangan mereka bergaji rendah. Oleh itu, PTPTN ini membantu dan meringankan beban bagi pelajar yang tidak berkemampuan,” katanya.

P. Divya, 20, yang akan melanjutkan pelajaran di Politeknik Balik Pulau berkata, pemberian wang oleh PTPTN itu memberikan semangat untuknya berusaha dan belajar dengan lebih gigih.

“Ini galakan daripada kerajaan supaya pelajar lebih rajin dan menjadi generasi yang berguna pada masa depan,” ujarnya.